

MEKANISME PELAPORAN INSIDEN KESELAMATAN ICT

i) Objektif

Memastikan insiden dikendalikan dengan cepat dan berkesan bagi meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.

ii) Mekanisme Pelaporan

- Insiden keselamatan ICT bermaksud musibah (*adverse event*) yang berlaku ke atas aset ICT atau ancaman kemungkinan berlaku kejadian tersebut. Ia mungkin suatu perbuatan yang melanggar Dasar Keselamatan ICT sama ada ada yang ditetapkan secara tersurat atau tersirat.
- Insiden keselamatan ICT seperti berikut hendaklah dilaporkan kepada ICTSO dan CSIRT MBDK dengan kadar segera dan semua maklumat adalah SULIT.
- Maklumat didapati hilang, didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa atau, disyaki hilang atau didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak diberi kuasa.
- Sistem maklumat digunakan tanpa kebenaran atau disyaki sedemikian.
- Kata laluan atau mekanisme kawalan akses hilang, dicuri atau didedahkan, atau disyaki hilang, dicuri atau didedahkan.
- Berlaku kejadian sistem yang luar biasa seperti kehilangan fail, sistem kerap kali gagal dan komunikasi tersalah hantar.
- Berlaku percubaan menceroboh, penyelewengan dan insiden-insiden yang tidak dijangka.

iii) Tanggungjawab Pengguna

- Semua kakitangan, pembekal, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat diingatkan supaya tidak melaksanakan sebarang tindakan secara sendiri, sebaliknya terus melaporkan dengan segara sebarang kejadian insiden keselamatan ICT.
- Pastikan tindakan mengikut prosedur untuk mengelakkan kerosakan atau kehilangan bahan bukti pencerobohan dan cubaan menceroboh.

Sebarang keperluan khidmat nasihat atau pertanyaan berkaitan dengan pengurusan pengendalian insiden keselamatan ICT di MBKD hendaklah merujuk kepada:

Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
Majlis Bandaraya Diraja Klang
Aras M, Bangunan Sultan Alam Shah
Jalan Perbandaran 41675 Klang, Selangor
[u.p : Bahagian Pusat Data dan Keselamatan]

Mel Elektronik (E-mel):
ezri.talib@mbdk.gov.my
shahfiszal.shamsuddin@mbdk.gov.my
Telefon : 03-3375 5555 ext 1110
Nombor Faksimili : 03-33731909

